

BULAN BAHASA 1988

## Silat turut serikan majlis penutup

17 SEP 1988

Adakah anda antara pemenang  
Kuiz Bahasa BH/BM? — Muka 10

PERSEMBAHAN silat, lagu-lagu dandang sayang serta tari-an dan sketsa adalah antara pelbagai acara yang akan menyeronokkan majlis penutup Bulan Bahasa 1988 malam ini.

Para penonton juga akan berpeluang mendengar lagu-lagu nyanyian A. Ramli, Maria Bachok dan Aida Ahmad serta mendengar declamasi tiga kuntum sajak. *Bahasa Melayu*

Pertandingan akhir: Kuiz Bahasa 1988 antara tiga pasukan dari dua buah sekolah rendah juga akan diadakan.

Menteri Sekitaran yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Ehsan Masyarakat Islam, Dr Ahmad Mattar, akan merasmikan penutupan bulan itu.

Bulan tersebut bermula pada 13 Ogos dan bertujuan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dengan betul di kalangan para penggunanya.

Jawatankuasa Bulan Bahasa 1988 dipengerusikan oleh Haji Sidek Saniff, Setiausaha Parli-

men Kanan (Kementerian Pelajaran).

Pelbagai kegiatan telah dianjurkan sepanjang bulan itu termasuk pameran lukisan, membaca puisi, peraduan syair, bercerita dan bahas, persembahan teater dan bangsawan serta persidangan wartawan nusantara.

Malam ini, persembahan silat akan diadakan oleh para anggota Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Lagu-lagu dandang sayang pula akan dinyanyikan oleh kumpulan Persatuan Gunung Sayang yang dipimpin oleh Encik William Tan dengan iringan muzik oleh kumpulan Nada Irama pimpinan Encik Kamsani

Ros.

Kumpulan penari Sriwana akan turut menyeronokkan majlis malam ini.

Sebuah lagi sketsa karya Encik Mohd Raman Daud — *Wira Baha* — dan arahan Encik Lut Ali akan juga dipersembahkan.

*Wira Bahasa* telah dipersembahkan di malam pelancaran Bulan Bahasa 1988.

Tiga kuntum sajak karya Masuri S.N., *Sebagai Penyair*, *Mataku Berkata* dan *Anak Zaman*, akan didekiamasikan oleh Encik Lut dan Encik Khairul Anwar.

Dalam peraduan akhir Kuiz Bahasa 1988, dua pasukan dari Sekolah Rendah Damai dan

dok Reservoir Road dan pasukan dari Sekolah Rendah Chong Li di Ang Mo Kio akan bertanding.

Kuiz tersebut dianjurkan bersama oleh Badar Kesenian Melayu (BKM) dan akhbar *Berita Harian/Berita Minggu*.

Hadiah untuk tempat pertama ialah wang tunai \$100, bawcar buku \$400, piada pusingan dan piada sampingan.

Lagu tema Bulan Bahasa 1988, *Bahasa Menjunjung Budaya*, akan juga diperdengarkan dengan nyanyian Koir Sri Anggerik Bangsawan pimpinan Encik Abdolah Lamat.

Sebagai acara terakhir, lagu-lagu senandung rakyat seperti *Ole Ole Bandung*, *Suriran*, *Trek Tek Tek* dan *Geylang Si Paku Geylang* akan dinyanyikan beramai-ramai.

Majlis itu akan diadakan di Panggung Victoria mulai 7.45 malam. Orang ramai dipersilakan hadir.